

11 APR 1998

MAHATHIR DAN CHOK TONG RASMI LINK KEDUA

SINGAPURA, 11 April (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong, akan menandatangani satu plak peringatan dan bersama-sama memotong riben menandakan pembukaan rasmi Jambatan Kedua Malaysia-Singapura pada 18 April ini.

Kementerian Pembangunan Negara berkata di sini hari ini bahawa Goh dan Dr Mahathir akan merasmikan pembukaan Ling Kedua yang menghubungkan Tuas di Singapura dan Tanjung Kupang di Johor pada satu upacara bersama pada pukul 9.30 pagi.

Kira-kira 150 tetamu dari Singapura dan jumlah yang sama dari Malaysia dijangka hadir pada upacara itu.

Para menteri Singapura yang akan hadir pada upacara itu ialah Menteri Pembangunan Negara Lim Hng Kiang, Menteri Luar dan Undang-undang Prof S Jayakumar dan Menteri Komunikasi Mah Bow Tan.

Katanya semua jalan menuju ke kompleks pusat pemeriksaan di Tuas akan ditutup untuk lalulintas dari pukul 6 pagi hingga 2 petang pada 18 April dan pada waktu itu lalulintas ke Johor dan yang hendak masuk ke Singapura terpaksa menggunakan Tambak Johor.

Jambatan sepanjang 1.9 km itu dibuka untuk lalulintas pada 2 Jan lepas.

-- BERNAMA

THG WAT